

FARID KAMIL, BOY IMAN ANTARA LIMA INDIVIDU DITARIK BALIK GELARAN DATO'

KUANTAN, 10 FEBRUARI 2021: Pelakon Farid Kamil dan Boy Iman antara lima individu yang ditarik balik dan dibatalkan Anugerah Darjah Kebesaran Negeri Pahang Darul Makmur.

Menerusi satu notis pemakluman oleh YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr Sallehuddin Ishak selaku Pendaftar Darjah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah menitahkan Darjah Kebesaran yang dikurniakan kepada mereka sebelum ini ditarik balik dan dibatalkan serta merta berkuatkuasa 12 November 2020 dan 1 Februari 2021.

Mereka ialah Farid Kamil Zahari (Farid Kamil); Noruliman A Rahman (Boy Iman); Wong Shee Kai @ Ricky; Tran Thi Mai @ Maimunah dan Syed Mohammad Faiz Syed Azemman.

Kelima-lima mereka ini juga tidak dibenarkan memakai sebarang gelaran yang dikurniakan dan perlu mengembalikan Darjah Kebesaran yang dikurniakan sebelum ini kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang selaras dengan Undang-Undang Darjah-Darjah Kebesaran dan Bintang-Bintang Negeri Pahang.

Kelima-lima individu itu sebelum ini dikurniakan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato'. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo

(LIPUTAN BERGAMBAR)



NOTIS PEMAKLUMAN

Menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Anugerah Darjah Kebesaran Negeri Pahang Darul Makmur kepada penama di bawah dengan ini **DITARIK BALIK DAN DIBATALKAN SERTA MERTA**. Penama tidak dibenarkan memakai sebarang gelaran yang dikurniakan dan perlu mengembalikan Darjah Kebesaran yang dikurniakan sebelum ini kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang selaras dengan Undang-Undang Darjah - Darjah Kebesaran dan Bintang – Bintang Negeri Pahang.

1. Nama : Farid Kamil bin Zahari
Darjah Kebesaran ditarik balik : Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)
Yang Membawa Gelaran Dato'
Tarikh Surat Penarikan Balik
Darjah Kebesaran Berkuatkuasa : 01 Februari 2021
2. Nama : Noruliman bin A Rahman
Darjah Kebesaran ditarik balik : Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)
Yang Membawa Gelaran Dato'
Tarikh Surat Penarikan Balik
Darjah Kebesaran Berkuatkuasa : 01 Februari 2021
3. Nama : Wong Shee Kai @ Ricky
Darjah Kebesaran ditarik balik : Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)
Yang Membawa Gelaran Dato'
Tarikh Surat Penarikan Balik
Darjah Kebesaran Berkuatkuasa : 01 Februari 2021
4. Nama : Tran Thi Mai @ Maimunah
Darjah Kebesaran ditarik balik : Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)
Yang Membawa Gelaran Dato'
Tarikh Surat Penarikan Balik
Darjah Kebesaran Berkuatkuasa : 01 Februari 2021
5. Nama : Syed Mohammad Faiz bin Syed Azemman
Darjah Kebesaran ditarik balik : Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP)
Yang Membawa Gelaran Dato'
Tarikh Surat Penarikan Balik
Darjah Kebesaran Berkuatkuasa : 12 November 2020

**YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
PENDAFTAR DARJAH**